



جائتین حکامین شریعیہ مالسیا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800

03-8886 4888

Faks : 03-8889 1621

email : ibrahim@esyariah.gov.my

Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (23)

Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H

Tarikh : 15 Disember 2015

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri**

**ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2015
Kod Warna Bagi Rekod Rayuan Mahkamah Syariah
Seluruh Malaysia**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung pemfailan rekod rayuan dan dokumen berkaitan di Mahkamah Syariah hendaklah menggunakan kod warna-warna seperti berikut :-

- (a) Kod warna kertas pemisah bagi rekod rayuan **Mahkamah Rayuan Syariah**
- | | |
|---|---------------------------|
| (i) Rekod Rayuan (Mal) | <u>Merah</u> |
| (ii) Rekod Rayuan (Jenayah) | <u>Merah Jambu</u> |
| (iii) Hujah/Jawapan Kepada Hujah Balas /Ikatan Autoriti Perayu/ Pemohon (Mal, Jenayah dan Faraid) | <u>Biru</u> |
| (iv) Hujah/Ikatan Autoriti Responden (Mal, Jenayah dan Faraid) | <u>Oren</u> |
| (v) Hujah/Ikatan Autoriti Pencelah | <u>Ungu</u> |

(b) Kod warna kertas pemisah bagi rekod rayuan **Mahkamah Tinggi Syariah**

- | | |
|---|----------------------|
| (i) Rekod Rayuan (Mal) | <u>Hijau</u> |
| (ii) Rekod Rayuan (Jenayah) | <u>Kuning</u> |
| (iii) Hujah /Jawapan Kepada Hujah Balas /Ikatan Autoriti Perayu/ Pemohon (Mal,Jenayah dan Faraid) | <u>Biru</u> |
| (iv) Hujah /Ikatan Autoriti Responden (Mal, Jenayah dan Faraid) | <u>Oren</u> |
| (v) Hujah /Ikatan Autoriti Pencelah | <u>Ungu</u> |

2. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2012 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.



(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia